

AKHBAR : MY BERITA
TARIKH : 23 MAC 2024
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : SABTU



Terkini ©

Nasional ▾

Hiburan ▾

Tular ▾

Laman utama > LOKASI PERTAMA

PTPTN Jadikan PSA Lokasi Pertama Laksana Program Jom Kejut Sahur



Ahmad Dasuki Abdul Majid (tengah) bersama Dr. Mohd Zahari Ismail (kiri) ketika menyampaikan pek makanan sahur kepada pelajar di perkarangan kolej kediaman Aman, pada Sabtu. (Foto myBERITA)

SHAH ALAM – Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) telah menjadi lokasi pertama yang dipilih oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam menjayakan program Jom Kejut Sahur yang pertama kali dijalankan di kampus itu.

Dalam program yang bertujuan membantu pelajar meringankan beban kewangan ketika bulan Ramadan, sebanyak 370 pek makanan sahur telah diedarkan kepada para pelajar.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, menyatakan bahawa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini merupakan langkah pertama dalam usaha untuk mengeratkan hubungan antara PTPTN dan pelajar.

"Program ini adalah pilot test. Tahun ini kita lakukan satu sahaja. Insya Allah, melihat kepada sambutan yang sangat menggalakkan, kami merancang untuk meneruskan program ini pada masa akan datang," katanya ketika ditemui pemberita di perkarangan kolej kediaman PSA tengah malam tadi.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar PSA, Ishqi Noremey, 19, inisiatif yang ditunjukkan oleh PTPTN telah memberikan kelegaan kepada pelajar dalam menangani perbelanjaan semasa bulan puasa.

"Kami merakamkan penghargaan kepada PTPTN atas inisiatif ini yang sedikit sebanyak dapat membantu meringankan perbelanjaan pelajar," katanya.

Salah seorang pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Felicia Goh Sui Ching, 19, turut berkongsi pengalaman bersama rakan-rakan bukan Islam dalam program ini.

"Ini adalah pengalaman pertama saya bersahur. Tahun ini juga saya mula berpuasa sejak Ramadan pertama. Kawan-kawan banyak membantu, kejut bangun sahur dan ajak berbuka bersama-sama. Keluarga saya di Kuching, Sarawak juga tahu dan memberi sokongan," katanya.

Program Jom Kejut Sahur telah diadakan di perkarangan kolej kediaman Aman, PSA, dengan agihan turut dilaksanakan dari pintu ke pintu melibatkan kolej kediaman lelaki dan perempuan.

Turut hadir dalam program ini adalah Ketua Pengarah Pendidikan dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd Zahari Ismail, Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Dr. Ahmad Aftas Azman, dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ts. Mohd Firdauz Mhd Radzi.

<https://www.myberitaterkini.com/2024/03/ptptn-jadikan-psa-lokasi-pertama.html>